



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

KENYATAAN MEDIA AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

PENJELASAN APAD BERHUBUNG PERMOHONAN PELESENAN APAD UNTUK PROGRAM PEMBAHARUAN TEKSI MADANI NASIONAL

1. Sebagaimana semua sedia maklum, Program Pembaharuan Teksi Madani Nasional (Teksi Madani) telah dilancarkan pada 3 Julai 2026 oleh YAB Perdana Menteri. Teksi Madani ini bertujuan untuk menambahbaik perkhidmatan teksi di negara ini selaras dengan pengumuman Belanjawan 2026.
2. Sehubungan itu, Kementerian Pengangkutan (MOT) telah mengeluarkan ketetapan dasar bertarikh 23 April 2026 berhubung **permohonan baharu** atau **penggantian teksi** di bawah Teksi Madani adalah secara sukarela dan terhad melalui pembelian pakej teksi model Proton S70 yang ditawarkan di bawah program Teksi Madani. Manakala teksi sedia ada yang tidak ditukar ganti di bawah program ini masih dibenarkan untuk digunakan sehingga tamat had usia kenderaan tersebut.
3. Pemandu Teksi digalakkan untuk bertukar kepada Teksi Madani untuk menikmati pelbagai insentif yang ditawarkan. Walau bagaimanapun bagi membantu pemohon yang **TELAH MEMPUNYAI KENDERAAN SEDIA ADA** atau **TIDAK BERJAYA** mendapat **kelulusan pembiayaan** pinjaman sewa beli di bawah program Teksi Madani, pemohon masih **DIBENARKAN** untuk melesen atau menukar kenderaan **SELAIN** daripada model Proton S70 Teksi Madani.
4. Untuk maklumat lanjut sila hubungi talian rasmi APAD iaitu **03-2602 5060** atau emel pertanyaan_ispkp@apad.gov.my

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT
7 OGOS 2025



**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT**

-TAMAT-

Tentang APAD:

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) merupakan agensi dibawah Kementerian Pengangkutan Malaysia yang berperanan dalam merancang program dan strategi berkaitan pengangkutan awam darat (rel dan jalanraya) bagi meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan awam dan barangan melalui pengawal seliaan aspek pelesenan.

Pertanyaan Media

Agensi Pengangkutan Awam Darat

Tel +603 2603 6600 (Talian Umum)

+603 2603 6689 (Unit Komunikasi Korporat)

E-mail ukk@apad.gov.my